

Kerja naik taraf siap sebelum bulan puasa

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta memamatkan kerja menaik taraf Jalan Melayu di sini selesai sebelum Ramadan pada awal Mac depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa menerusi hantaran di Facebook semalam berkata, beliau sempat meninjau kemajuan naik taraf projek berkenaan susulan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar

Ibrahim baru-baru ini.

Pada 10 Januari lalu, Perdana Menteri dilaporkan meminta DBKL turun padang meninjau kawasan perniagaan usang, uzur dan memerlukan penambahbaikan di sekitar Jalan Masjid India.

Susulan itu, DBKL memaklumkan selepas kerja naik taraf selesai, kawasan gerai penjaja di sekitar Jalan Melayu dan Jalan Masjid India akan tampil dengan wajah baharu, bersih dan teratur.